

Bantuan untuk Bumiputera diteruskan: P M

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan tidak mungkin menarik balik bantuan yang diberi kepada masyarakat Bumiputera selagi pengagihan harta yang saksama belum dapat diwujudkan.

Umpamanya, bantuan tidak mungkin ditarik balik selagi kontraktor Melayu tidak berkemampuan mendapatkan kontrak selain daripada kerajaan, kata Perdana Menteri dalam temuramah khas dengan majalah *Malaysian Business* keluaran 1 Januari 1988.

Dalam temuramah khas sempena peilihannya sebagai Man of *The Year* majalah itu, Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan bahawa anggapan Dasar Ekonomi Baru (DEB) berjaya mewujudkan golongan Bumiputera kelas pertengahan adalah salah.

Katanya, DEB hanya dapat membantu Bumiputera bertahan (survive). Kebanyakan usahawan Bumiputera bergantung kepada kontrak kerajaan. Apabila kerajaan kurang mengeluarkan kontrak, usahawan Bumiputera mengalami masalah besar menyebabkan ramai antara mereka menjadi muflis.

Beliau yakin bahawa perkongsian tulen di antara golongan Bumiputera dan bukan Bumiputera boleh menjayakan DEB.

“Orang Melayu harus tahu bagaimana untuk mengurus dan berjimat-cermat. Kita sukar mengeluarkan bantuan jika wang yang diberi dibelanjakan tanpa mendatangkan faedah. Jika anda menggunakan nama Melayu untuk mendapatkan projek kerajaan, ia tidak membantu orang Melayu atau sesiapa pun.

“Oleh itu, bantuan itu perlu diberi untuk jangka masa yang panjang. Saya tidak menyalahkan golongan bukan Bumiputera. Saya menyalahkan golongan Bumiputera yang mengambil jalan keluar yang mudah, yang menganggap DEB sebagai hadiah percuma,” katanya.

Mengenai rasuah, Perdana Menteri berkata ia berlaku di paras yang rendah dalam kerajaan dan sukar dihapuskan.

“Pada amnya, pentadbiran ini adalah lebih bersih daripada kebanyakan negara,” tegasnya.

Katanya, tuduhan rasuah dilemparkan oleh mereka yang menentang kerajaan secara senyap melalui surat-

khabar, kata-kata tidak langsung serta menggunakan mahkamah.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata kemajuan dasar pengswastaan kurang memuaskan. Pengswastaan jabatan kerajaan berjalan perlahan dan ditentang ramai walaupun jaminan diberi bahawa masa depan mereka tidak akan terjejas.

“Kejayaan tidak datang dengan mudah. Anda mungkin perlu menghantuk kepala ke dinding berulang kali sebelum dinding itu retak, atau kepala sendiri. Saya percaya uaha ini perlu diteruskan. Saya tidak akan mengalah walaupun berhadapan dengan pelbagai masalah, terutama pengkritik yang meminggul setiap peluang berbuat demikian.